

29 SEP 1998

MAHATHIR: TIDAK HARUS FANATIK KEPADA SESETENGAH IDEOLOGI SAHAJA

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Negara-negara di dunia ini tidak seharusnya fanatik kepada ideologi tertentu sahaja kerana ia mungkin menimbulkan masalah dalam mengagihkan kekayaan secara adil, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Semasa bercakap dalam sesi dialog "Virtual Commonwealth" melalui persidangan video ke seluruh dunia malam ini, Dr Mahathir berkata sistem permodalan bebas membenarkan pengaliran dana dari negara kaya ke negara miskin dan akhirnya "yang miskin menjadi kaya buat seketika.

"Tetapi apabila ekonomi serantau mengalami kegawatan, negara kaya menarik keluar dana mereka, dan negara miskin menjadi miskin semula," katanya.

"Akhirnya kita melihat sekarang kuasa pasaran menimbulkan masalah, dan ia bukanlah cara yang baik untuk membentuk masyarakat yang sempurna.

Oleh itu, beliau menyatakan mesti ada langkah-langkah oleh negara-negara membangun dan miskin untuk melindungi ekonomi mereka.

Menyetujui kenyataan Perdana Menteri itu, Dr Chandra Muzaffar, Presiden Pergerakan Antarabangsa bagi Keadilan Dunia berkata beliau tidak menjangka ideologi global yang disifatkan sebagai "casino capitalism" dapat mengurangkan kemiskinan.

Chandra bagaimanapun menekankan kekuatan politik dan pengagihan sumber ekonomi dapat membantu mengurangkan kemiskinan.

-- BERNAMA

RIZ RI